



17 APR, 2025

## Tak boleh suka hati bina, kita ada peraturan - Aminuddin

Sinar Harian, Malaysia



# Tak boleh suka hati bina, kita ada peraturan - Aminuddin

**SEREMBAN** - Kerajaan Negeri Sembilan menegaskan setiap pembinaan rumah ibadat di negeri itu perlulah mematuhi peraturan dan syarat-syarat ditetapkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, pemilik rumah ibadat perlu menyemak terlebih dahulu status tanah sebelum membina struktur di situ bagi mengelak timbul permasalahan akan datang.

"Tak bolehlah kita nak buat sesuka hati. Kita ada peraturan dan janganlah melanggarnya.

"Saya juga minta apabila mereka buat tambahan bangunan supaya siasat dahulu tanah-tanah tersebut.

"Kita tak nak apabila mereka dah buat baru kata 'oh ini tanah orang', tak bolehlah macam itu, kita ada undang-undang," katanya semasa sidang akhbar selepas Mesyuarat Exco di Wisma Negeri di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai isu rumah ibadat bukan Islam yang dibina di tempat tidak sepatutnya.

Aminuddin berkata, pihaknya sentiasa mendapat perkembangan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkaitan isu rumah ibadat dan tindakan akan diambil sekiranya didapati timbul masalah.

### ISU RUMAH IBADAT

Jelasnya, pihaknya sedia maklum mengenai wujudnya rumah ibadat bukan Islam yang dibina di tanah milik pihak tertentu dan tindakan sedang diambil.

"Kita sedia maklum ada beberapa rumah ibadat bukan Islam berada di tanah-tanah tertentu seperti di tanah Tenaga Nasional Berhad di Kuala Pilah. Begitu juga di tanah Kementerian Dalam Negeri dan tanah anak-anak yatim di Lukut yang sedang dalam proses penyelesaian."

"Kerajaan negeri juga ada mendapat permohonan membina kuil, gurdwara dan tokong daripada pemaju di kawasan yang tidak ramai orang Melayu dan kita akan mendapatkan pandangan daripada MKN sama ada ia sesuai atau tidak," katanya.

Menurut Aminuddin, sekiranya ada isu sensitiviti melibatkan pembinaan rumah ibadat, ia akan dibincangkan dan akan diselesaikan secara baik.

Namun beliau berpendapat



AMINUDDIN

timbulnya isu apabila ada pihak tertentu yang sengaja mengapi-apikannya sehingga menimbulkan masalah.

"Kita tak nampak ada isu yang besar di negeri ini dan saya rasa perkara itu boleh dibincangkan dengan baik.

"Contoh paling hampir pada kita dan telah diluluskan pada Rabu ialah perobohan tokong di Jalan Kuala Pilah-Johol kerana menceroboh tanah rizab sungai, dan saya telah minta Exco berkaitan berbincang dengan pihak tokong supaya perkara itu dapat diselesaikan dengan cara baik," katanya.

Selain itu katanya, setiap individu juga perlu menerima konsep hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan perlu saling menghormati sensitiviti antara satu sama lain.

"Kita hidup dalam serumpun dan rumah yang besar. Harus menghormati sensitiviti sesama kita.

"Tak boleh dalam keadaan terlalu dekat ada dua atau tiga kuil dan saya rasa perkara itu perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak tertentu," katanya.